

Terma-terma dan Syarat-syarat
Kempen “CIMB Clicks – 10% Cash Back On Bill Payment”

1. Kempen “CIMB Clicks – 10% Cash Back On Bill Payment” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) (“**CIMB Bank**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1hb September 2018 sehingga 30hb November 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB Bank menyimpan hak dengan memberi notis terdahulu tidak kurang dari empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada individu-individu terpilih yang merupakan pengguna berdaftar CIMB Clicks dan yang telah menerima e-mel atau Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“**SMS**”) atau mesej melalui Messenger CIMB dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau CIMB EVA atau mesej daripada CIMB Bank mengenai Kempen ini kecuali kategori orang yang disenaraikan dalam Klausa 5 (selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”).
5. Kategori-kategori orang yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - I. Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sambilan atau pekerja-pekerja CIMB Bank (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat yang berkaitan) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - II. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, penjual pihak ke-3 dan pembekal perkhidmatan) CIMB Bank (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaan) dan kakitangan atau pekerja tetap dan/atau sambilan mereka serta ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - III. Individu-individu di bawah umur 18 tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak memberi representasi dan mengesahkan bahawa Peserta Layak bukan di bawah kategori orang di atas.

Pulangan Tunai dan Kriteria Kelayakan

6. Jumlah pulangan tunai untuk Kempen ini adalah RM300,000. Tempoh Kempen terdiri daripada 3 bulan penyertaan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah ("**Bulan Penyertaan**") dan pulangan tunai yang diperuntukkan untuk setiap Bulan Penyertaan adalah dihadkan pada RM100,000.

| Bulan Penyertaan | Tarikh | Had Maksimum Pulangan Tunai yang diperuntukkan |
|------------------|--|--|
| 1 | 1hb September 2018 – 30hb September 2018 | RM100,000 |
| 2 | 1hb Oktober 2018 – 31hb Oktober 2018 | RM100,000 |
| 3 | 1hb November 2018 – 30hb November 2018 | RM100,000 |
| Jumlah | | RM300,000 |

7. CIMB Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Peserta Layak sekiranya pulangan tunai telah mencapai had maksimum pulangan tunai yang diperuntukkan.
8. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini, Peserta Layak yang melakukan Transaksi Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 9) dalam apa-apa jumlah dalam Tempoh Kempen akan mendapat 10% pulangan tunai ("**Pulangan Tunai**") pada jumlah Transaction Layak atas dasar siapa cepat dia dapat berdasarkan waktu transaksi, tertakluk kepada ketersediaan amaun pulangan tunai bulanan yang diperuntukkan. Pengesahan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia).
9. Transaksi Layak di bawah Kempen ini bermaksud bayaran yang dibuat oleh Peserta Layak dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA dan melakukan transaksi pembayaran bil di bahagian 'Pay Bills' atau 'JomPAY' menggunakan mana-mana akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic Peserta Layak, akaun Kad Kredit CIMB, akaun Kad Debit CIMB atau akaun Kwik CIMB ("**Akaun Penyertaan**") yang didaftarkan untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks. E-pembayaran atau e-pembayaran FPX di laman web luar tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak di bawah Kempen ini.
10. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB Bank mengenai sama ada apa-apa transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak adalah muktamad dan tidak akan dicabar dengan apa juar cara.
11. Pulangan Tunai adalah dihadkan pada RM20 bagi setiap Peserta Layak sepanjang Tempoh Kempen. Amaun Pulangan Tunai akan diambil berdasarkan 2 perpuluhan seperti sedia ada dan tidak akan dibundarkan ke atas atau dibundarkan ke bawah.

Contoh:

| Amaun Transaksi Layak | Amaun 10% Pulangan Tunai |
|-----------------------|--------------------------|
| RM150.85 | RM15.08 |
| RM185.00 | RM18.50 |
| RM250.85 | RM20.00 |

Pemenuhan Pulangan Tunai

12. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Peserta Layak yang berkenaan dalam tempoh sepuluh (10) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
13. CIMB Bank akan memaklumkan Peserta Layak melalui komunikasi elektronik yang dipaparkan di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau melalui SMS atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain, yang mana CIMB Bank boleh memilih mengikut budi bicara mutlaknya selepas Pulangan Tunai telah dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan mereka yang berkenaan. Pulangan Tunai juga akan ditunjukkan dalam penyata bulanan berikutnya bagi Akaun Penyertaan Peserta Layak yang berkenaan selepas pengkreditan Pulangan Tunai.
14. Pulangan Tunai tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ke-3, ditukar untuk hadiah yang berbeza atau ganjaran yang mempunyai sama nilai atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan Peserta Layak untuk mengkreditkan Pulangan Tunai ke dalam akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamic, akaun Kad Kredit CIMB, akaun Kad Debit CIMB atau akaun Kwik CIMB Peserta Layak yang lain atau mana-mana Akaun semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic, akaun Kad Kredit CIMB, akaun Kad Debit CIMB atau akaun CIMB Kwik pihak ketiga.
15. Ia adalah tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor telefon dan alamat e-mel yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB Bank. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang atau kehilangan Pulangan Tunai) yang dialami sekiranya nombor telefon atau alamat e-mel Peserta Layak dalam rekod CIMB Bank bukan terkini atau tidak betul.
16. CIMB Bank menyimpan hak untuk menarik balik Pulangan Tunai sekiranya terdapat pembalikan pembayaran bagi Transaksi Layak.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

17. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi persetujuan kepada CIMB Bank

untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimbbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang diberikan, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

18. Akaun Penyertaan Peserta Layak (i) MESTI TIDAK memungkiri mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pengkreditan Pulangan Tunai, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Pulangan Tunai akan ditarikbalik.
19. CIMB Bank menyimpan hak untuk menggunakan budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan akan mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
20. CIMB Bank menyimpan hak untuk menggantikan Pulangan Tunai dengan mana-mana barang yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalender kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana jua orang lain kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
21. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajipannya di sini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam (*"act of God"*) di luar kawalan CIMB Bank atau akibat daripada apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
22. CIMB Bank shall tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) yang timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk disebabkan tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS atau e-mel oleh Peserta Layak melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau dan keingkaran sengaja CIMB Bank.

23. CIMB Bank menyimpan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender untuk meminda (sama ada penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) (“**Pindaan**”) mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan boleh dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, dengan paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau laman web CIMB Bank di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan itu boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB Bank atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh notifikasi tersebut atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB Bank dalam notifikasi. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
24. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pindaan, perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahan Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.
25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausa 23) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
26. Apa-apa pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berkaitan dengan akaun Semasa atau Simpanan di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah ditujukan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengan akaun Semasa atau Simpanan di bawah CIMB Islamic Bank.
27. Terma-terma dan Syarat-syarat ini tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan / atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana perbadanan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB Bank berhubung dengan atau yang terpakai bagi Kempen atau apa-apa perkara yang terkandung di sini.
28. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.

29. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepetimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB Bank melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur /Tel: 603 6204 7788/Faks: 603 2691 3248/Emel: cru@cimb.com